

TELFAST 180MG® TABLET

Fexofenadine Hydrochloride (180mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Telfast 180mg
2. Bagaimana Telfast 180mg berfungsi
3. Sebelum mengambil Telfast 180mg
4. Cara menggunakan Telfast 180mg
5. Semasa menggunakan Telfast 180mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Telfast 180mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Telfast 180mg

Telfast 180mg digunakan oleh orang dewasa dan remaja berumur 12 tahun dan ke atas. Ia digunakan untuk melegakan gejala-gejala yang berlaku bersama-sama dengan demam alergi (rinitis alergi bermusim) seperti bersin, mata berasa gatal-gatal, berair atau merah dan hidung gatal atau berair.

Telfast 180mg juga digunakan untuk melegakan gejala-gejala gatal-gatal kronik (urtikaria idiopatik kronik-ruam merah dan gatal yang timbul tanpa sebab yang diketahui).

Bagaimana Telfast 180mg berfungsi

Telfast 180mg mengandungi *fexofenadine hydrochloride* yang dikenali sebagai antihistamina. Ia berfungsi dengan menyekat tindakan histamina untuk mengurangkan gejala-gejala alergi.

Sebelum mengambil Telfast 180mg

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Telfast 180mg jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap fexofenadine atau mana-mana bahan-bahan lain ubat ini (yang disenaraikan dalam Seksyen 8 di bawah).

Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor anda sebelum mengambil Telfast 180mg jika:

- Anda mempunyai masalah berkaitan dengan hati atau buah pinggang anda

- Anda seorang warga tua.

Jika anda tidak pasti sama ada mana-mana di atas berkenaan dengan anda, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Telfast 180mg.

Mengandung atau menyusukan bayi

Bincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda:

- sedang mengandung atau anda merancang untuk mengandung
- sedang menyusukan bayi atau mungkin mula menyusukan bayi

Telfast 180mg hanya digunakan semasa mengandung atau menyusukan bayi jika faedah mewajarkan potensi risiko kepada janin atau bayi yang menyusu.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil, baru-baru ini telah mengambil atau mungkin mengambil apa-apa ubat-ubatan lain.

- Ubat untuk ketidakhadaman (antacid) mengandungi *aluminium* dan *magnesium* yang boleh menjelaskan tindakan Telfast 180mg dalam badan dengan menurunkan jumlah ubat yang diserap ke dalam badan. Ia disyorkan untuk mengelakkan mengambil ubat untuk ketidakhadaman dalam 15 minit sebelum atau selepas mengambil Telfast 180mg.

- *Erythromycin* (antibiotik digunakan untuk merawat jangkitan bakteria) atau *ketoconazole* (digunakan untuk merawat jangkitan fungus)

Jangan mengambil **Telfast 180mg** dengan jus buah-buahan seperti limau gedang, oren dan epal. Ia disyorkan untuk mengambil Telfast 180mg dengan air untuk memaksimumkan kesan fexofenadine dalam badan.

Cara menggunakan Telfast 180mg

Sentiasa mengambil Telfast 180mg tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

- Telan tablet anda secara oral dengan segelas air.

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke atas

- Dos yang disyorkan adalah satu tablet setiap hari.

Telfast 180mg tidak digalakkan digunakan untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun.

Kemerosotan buah pinggang

Dos yang disarankan pada dewasa dengan masalah fungsi buah pinggang adalah 60mg setiap hari.

Bila perlu digunakan

Ambil Telfast 180mg pada waktu yang sama setiap hari kecuali doktor anda memberitahu anda sebaliknya.

Berapa lama perlu digunakan

Ambil Telfast 180mg sehingga doktor memberitahu anda untuk berhenti. Jangan berhenti mengambil Telfast 180mg hany kerana anda berasa lebih baik. Jika anda berhenti, gejala anda boleh kembali lagi.

Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa untuk mengambil tablet anda, abaikan dos dan ambil tablet seterusnya pada masa yang biasa.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.
- Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan produk ini, minta nasihat dari doktor atau ahli farmasi anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih daripada dos yang diperlukan, beritahu doktor atau pergi ke jabatan hospital kecemasan dengan segera. Sila ambil pek ubat dengan anda.

Lakukan ini walaupun tidak ada tandanya ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera. Kesan-kesan berikut boleh berlaku: pening, mengantuk dan mulut kering.

Semasa menggunakan Telfast 180mg**Perkara yang perlu dilakukan**

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Telfast 180mg.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan memberikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.
- Jangan gunakan ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.
- Jangan berhenti mengambil Telfast 180mg, atau menukar dos, tanpa memeriksa dengan doktor anda.
- Jangan menelan Telfast 180mg bersama-sama dengan jus buah-buahan.

Perkara yang perlu diberi perhatian**Memandu dan menggunakan mesin**

Telfast 180mg tidak mungkin menjelaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Walau bagaimanapun, anda perlu memastikan bahawa tablet ini tidak menyebabkan anda berasa mengantuk atau pening sebelum memandu atau mengendalikan jentera.

Kesan-sesan sampingan

Semua ubat-ubatan mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini tetapi bukan semua orang akan mengalaminya.

Jangan terkejut dengan kesan-sesan sampingan yang mungkin dialami dalam senarai ini.

Anda kemungkinan besar tidak akan Mengalami mana-mana daripada mereka.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda notis mana-mana kesan sampingan yang berikut:

- Sakit haid
- Sakit kepala
- Sakit belakang
- Batu
- Jangkitan pada saluran pernafasan di

bahagian atas

- Demam
 - Radang telinga tengah
 - Muntah
 - Cirit-birit
 - Letih
 - Hidung berair
 - Pening
 - Ketidakselesaan di bahagian perut
 - Sakit di kaki dan tangan
- Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Telfast 180mg

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang sebarang aspek perubatan anda, atau sebarang pertanyaan mengenai maklumat di dalam risalah ini, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Penyimpanan

- Simpan ubat ini di tempat yang selamat di mana kanak-kanak tidak dapat melihat atau capai.
- Jangan menggunakan Telfast 180mg selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada label dan karton. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.
- Simpan di bawah suhu 30°C.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut**Rupa dan warna produk**

- Telfast 180mg tablet boleh didapati dalam warna pic, berbentuk bujur dan dwicembung. Ia diukir dengan '018' di satu sisi dan tiada sebarang ukiran di sisi yang lain.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: Setiap tablet mengandungi 180mg *hexofenadine hydrochloride*.
- Bahan-bahan tidak aktif: *Mycrocystalline cellulose, pregelatinised maize starch, croscarmellose sodium, magnesium stearate, hydroxypropyl methylcellulose (E-15), hydroxypropyl methylcellulose (E-5), povidone, titanium dioxide (E 171), colloidal anhydrous silica, macrogol 400* dan

Nombor MAL:

Telfast 180mg tablet

MAL20000715A

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**Pengilang**

PT Aventis Pharma
Jl. Jenderal A. Yani,
Pulo Mas, Jakarta,
Indonesia.

Pemegang Pendaftaran Produk

sanofi-aventis (Malaysia) Sdn. Bhd.
Unit TB-18-1, Level 18-1, Tower B,
Plaza 33, No.1 Jalan Kemajuan,
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini disediakan pada 25 Sept 2015 (rujukan USPI July 2007)

Nombor siri

BPFK(R4/1)220915/00320